

'Bersama depani cabaran sebagai sebuah keluarga' - Ismail Sabri

Oleh BERNAMA - Jun 4, 2022 @ 2:51 pm



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (tengah) bergambar bersama penerima sumbangan Keluarga Malaysia pada majlis penutup program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) di Kompleks Sukan Negeri Terengganu, hari ini. - NSTP/Ghazali Kori

KUALA NERUS: Konsep Keluarga Malaysia mengajak rakyat untuk mengeneppikan segala perbezaan dan bersama menggembelng tenaga dalam mendepani apa jua cabaran sebagai sebuah keluarga, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, sifat inklusif dalam konsep itu yang merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum, penting dalam usaha memulihkan semula negara selepas pandemik.

"Apabila kita semua mempunyai titik persamaan, ia akan menyatupadukan rakyat dalam mencapai kesejahteraan ekonomi dan kestabilan politik.

"Kesejahteraan dan kestabilan inilah yang akan kita wariskan kepada anak cucu kita pada masa akan datang," katanya dalam ucapan perasmian penutup Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) di Kompleks Sukan Negeri Terengganu di sini, hari ini.

Pada penganjuran Jelajah AKM kali ini, Kementerian Pendidikan dipilih sebagai kementerian peneraju bagi pengisian program dengan fokus utama 'Keluarga Malaysia Keluarga Berilmu'.



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (tengah) bersama Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar bergambar bersama orang ramai pada program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) di Kompleks Sukan Negeri Terengganu, hari ini. - NSTP/Ghazali Kori

Sementara itu Ismail Sabri, berkata kerajaan menyedari betapa pentingnya pendidikan kepada masa depan Keluarga Malaysia.

Oleh itu katanya, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM5.034 bilion bagi projek pembangunan sekolah dan institusi pendidikan di seluruh negara, di bawah Rancangan Malaysia Ke-12.

Katanya bagi Terengganu, terdapat 79 projek baharu dan sambungan bagi pembangunan sekolah serta institusi pendidikan, dengan kos keseluruhan RM914.79 juta.

"Daripada jumlah ini, sebanyak 42 projek telah siap sepenuhnya, 18 projek di peringkat pelaksanaan atau pembinaan dan 19 projek berstatus prabina," katanya.

Dalam pada itu Ismail Sabri juga berharap aspek Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesyukuran dalam masyarakat majmuk Keluarga Malaysia yang diterap dalam Jelajah AKM, terus diamalkan tanpa mengira sentimen agama dan bangsa.